

'BAHKUN' DAN EVOLUSI BAHASA LAHANAN

Oleh ZAINAL ABIDDIN MASLEH

Perkembangan globalisasi menjadikan bahasa perlu bersaing dan senada mengikut arus yang sama tetapi perlu mengekalkan keaslian dan ketulenan. Dalam masyarakat yang multibahasa, persaingan bahasa merupakan fenomena biasa dalam hubungan sosial. Weinreich (1986) dan Giglioli (1990) menjelaskan persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing menjadikan kekhuatiran punahnya sesuatu bahasa bukan sesuatu yang berbentuk andaian atau tanggapan. Peccei (1999) menegaskan bahawa kebanyakan bahasa yang ada di dunia memperlihatkan perbezaan usia sering menimbulkan perbezaan bahasa kerana bahasa menjadi wahana utama dalam memenuhi tuntutan kehidupan manusia untuk menyampaikan ekspresi tentang dunia dan keperluan persekitarannya. Menurut Asmah Hj Omar (1988:3) bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain.

Bahasa dan Penyelidikan

Pelbagai tanggapan dan persepsi dilontarkan oleh pengkaji bahasa tentang perlunya sesebuah kajian kebahasaan. Kajian bersifat huluan dilihat menarik perhatian para pengkaji bahasa dewasa ini. Melalui kajian bersifat huluan mampu menelusuri dengan lebih mendalam serta menyelongkar khazanah bahasa yang masih bugur agar tidak terus hanyut bersama pemodenan. Bahasa minoriti memerlukan pembelaan dan pengkajian yang berterusan.

Oleh itu kajian yang melibatkan bahasa peribumi memerlukan satu bentuk metodologi yang terancang supaya tidak bias dan berjaya mendapatkan maklumat sahah dan benar. Kesahihan data amat penting supaya tidak dipertikaikan serta mantap sifatnya. Oleh itu penggunaan rakaman berbentuk audio video merupakan kemestian dalam pengkajian ini sebagai bahan bukti dan rujukan. Temu bual, pemerhatian, bercerita, lafaz dan soal selidik terhadap informan dan responden akan dilakukan dengan memberi penekanan kepada keaslian penduduk dan kearifan tentang bahasa serta sejarah bangsanya. Menurut Weinreich (1986) penggunaan bahasa oleh masyarakat penutur menghubungkan kait makna dan menjurus kepada suatu peristiwa, tindakan, benda, dan keadaan. Peristiwa yang terjadi, misalnya, tidak terlepas daripada direalisasikan dengan bahasa dan mampu mencerminkan pemikiran masyarakat penuturnya. Melalui bahasa masyarakat penutur mampu menyampaikan gagasan pemikiran yang menjelaskan tindakannya dari aspek budaya dan ruang lingkup kehidupan.

Jati Diri Bangsa dan Evolusi Bahasa Lahanan

Penulis sebagai penyelidik bahasa yang masih dalam pengkajian bahasa Lahanan untuk memenuhi keperluan tesis dalam menyempurnakan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah amat kagum dengan semangat serta kekuatan jati diri bangsa etnik Lahanan yang terus menyanjung kedaulatan bahasa mereka. Berada jauh di pedalaman serta tinggal sebagai etnik yang monoriti namun bahasa mereka terus dilestarikan. Majoriti masyarakat etnik lahanan menggunakan multilingual dalam kehidupan seharian mereka. Etnik Lahanan hanya menduduki dua buah rumah panjang di Belaga iaitu di Long Semuang yang mempunyai penduduk sekitar 350 orang dan di Uma Lahanan, Sungai Asap yang mempunyai penduduk sekitar 700 orang.

Melalui kajian yang masih dilakukan hampir keseluruhan masyarakat etnik Lahanan adalah bilingual terutama penguasaan terhadap bahasa Kayan yang merupakan penduduk majoriti di Penempatan Penduduk Sungai Asap, Belaga. Penggunaan bahasa Lahanan ketika di rumah panjang mereka semacam menjadi satu kemestian dan diterima dengan hati terbuka menjadikan bahasa Lahanan tetap diwarisi oleh generasi seterusnya. Perpindahan mereka dari penempatan asal di Long Panggai, Belaga, kerana memberi laluan terhadap pembinaan Projek Empangan Bakun begitu sinonim terhadap masyarakat Lahanan kerana dikatakan perkataan bakun itu sendiri berasal dari perkataan /bahkun/ yang bermaksud mana nasi. Menurut sumber yang boleh dipercayai suatu ketika dahulu ketika beberapa orang Lahanan yang melalui kawasan jeram

mereka telah karam dan masing-masing menyelamatkan diri. Dalam keadaan kalam kabut salah seorang daripada mereka telah bertanya mana /bah kun/ yang merujuk mana nasi kerana mungkin lapar ataupun baharu tersedar bahawa bekalan mereka telah dihanyutkan. Akhirnya tempat mereka karam itu telah digelar Bakun sehingga ke hari ini.

Anggota Badan dan Binatang dalam Evolusi Perbendaharaan Kata Etnik Lahanan (Anggota Badan)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Lahanan
1.	Hidung	nose	urung : [uruŋ]
2.	Mulut	mouth	ba : [baʔ]
3.	Tangan	hand	tuju : [tujuʔ]
4.	Kaki	leg	betin : [bətɪn]
5.	Jari	finger	ngeyo : [ŋeyo]
6.	Kepala	head	ko-ong : [koʔoŋ]
7.	Rambut	hair	bo : [boʔ]
8.	Telinga	ear	bareng : [bareŋ]
9.	Perut	stomach	butit : [butit]
10.	Pinggang	waist	eng : [eŋ]
11.	kuku	nail	cilun : [čilun]

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Lahanan
12.	Lutut	knee	bukong : [bukoŋ]
13.	Paha	thigh	paan : [paʔan]
14.	Siku	elbow	siko : [siko]
15.	Bahu	shoulder	mebang : [mebaŋ]
16.	Kening	eyebrow	likaw : [likaw]
17.	Bulu mata	eyelashes	bulo matah : [bulo matah]
18.	Dahi	forehead	likaw : [likaw]
19.	Gigi	tooth	nyipen : [nyipən]
20.	Dagu	chin	jan : [jaʔan]

(Binatang)

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Lahanan
1.	Harimau	tiger	piyat : [piyat]
2.	Gajah	elephant	gajah : [gaʔah]
3.	Ular	fish	jen : [jen]
4.	Kucing	cat	ngiyaw : [ŋiyaw]
5.	buaya	crocodile	bayah : [bayah]
6.	Kambing	goat / sheep	adeng : [adeŋ]
7.	lembu	cow	sapi : [sapi]
8.	Babi	pig	bavui : [bavui]
9.	Musang	civet	busang : [busaŋ]
10.	Biawak	iguana	kavok : [kavok]
11.	Burung	bird	manok uran : [manok uran]

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Lahanan
12.	Siput	shell	si : [siʔ]
13.	Monyet	monkey	berok : [bərok]
14.	Kura-kura	tortoise	lelap : [lelap]
15.	Semut	Semut	Semut
16.	Ayam	Ayam	Ayam
17.	Cicak	Cicak	Cicak
18.	Kuda	Kuda	Kuda
19.	Itik	Itik	Itik
20.	Angsa	Angsa	Angsa
21.	Belalang	Belalang	Belalang

Berdasarkan contoh perbendaharaan kata yang dipaparkan jelas menunjukkan bahawa bahasa Lahanan agak berbeza dengan bahasa Melayu, terutama sekali yang melibatkan perkataan yang merujuk anggota badan. Keadaan ini mungkin sifat perkataan yang merujuk anggota badan ialah kepunyaan diri penutur berbeza dengan nama binatang. Contoh yang dipaparkan menjelaskan wujudnya persamaan kerana terdapat binatang yang disebut asing dalam ruang lingkup kehidupan mereka. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya menampakkan bahawa bahasa Lahanan sukar difahami jika dibandingkan dengan bahasa Melayu namun mempunyai persamaan yang agak dekat dengan bahasa Kejaman dan Sekapan yang merupakan kekeluargaan rumpun Kajang. Malah ketiga-tiga etnik ini boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa sendiri walaupun berlainan kerana saling memahami.

Berdasarkan gambaran dan dapatan awal, jelas menunjukkan bahawa begitu banyak ruang yang boleh dilakukan oleh para pengkaji bahasa untuk menyelongkar dan memperkenalkan bahasa Lahanan kepada masyarakat secara umumnya. Sebagai pengkaji pastinya banyak yang perlu dilakukan dalam usaha menambah maklumat mengenai bahasa ini. Secara umumnya, dapatan awal ini, yang merangkumi data yang diperolehi seperti senarai perbendaharaan kata, bukan sahaja untuk proses pendokumentasian tetapi juga sebagai panduan dalam penyelidikan seterusnya baik dari segi kekeluargaan bahasa mahupun tipologi atau kajian kawasan.

Beberapa orang responden:




**Pengkaji bersama-sama salah seorang penghuni
Uma Lahanan, Sg. Asap, Belaga.**



Ili Sawing (76 tahun)



Musuh Banying (72 tahun)



Uma Lahanan, Sungai Asap, Belaga